

NAMA: .....

TINGKATAN: .....

1249/1

Sejarah

Kertas 1

1 jam

LOGO SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_, SABAH

---

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
SEJARAH TINGKATAN 5**

**Kertas 1**

**Satu Jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

---

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**Arahan**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Kerajaan manakah yang mewariskan ciri-ciri negara bangsa kepada Kesultanan Melayu Melaka?

A Kerajaan Funan  
 B Kerajaan Srivijaya  
 C Kerajaan Johor-Riau  
 D Kerajaan Kedah Tua

- 2 Pernyataan berikut merujuk kepada maksud tulah.

- |                                                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• kecelakaan yang menimpa seseorang</li> </ul> |
|---------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah sebab seseorang ditimpa tulah?

A Melanggar arahan pembesar  
 B Menipu dalam perniagaan  
 C Menderhaka kepada raja  
 D Melakukan pembunuhan

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan pemulihan Jepun.

| Tahun | Peristiwa                                                 |
|-------|-----------------------------------------------------------|
| 1789  | Maharaja Mikado Meiji melancarkan gerakan pemulihan Jepun |

Apakah tujuan gerakan pemulihan tersebut?

A Memulihkan agama  
 B Meningkatkan jumlah penduduk  
 C Mengembangkan fahaman politik  
 D Mendapatkan penghormatan kuasa Barat

- 4 Apakah faktor yang menyebabkan gerakan nasionalisme Thailand menyasarkan pemerintahan raja mereka sendiri?
- A Menyerahkan pentadbiran kepada kuasa Barat
  - B Meletakkan kerabat diraja dalam urusan politik
  - C Menghapuskan sistem perundangan tradisional
  - D Melaksanakan sistem percukaian yang membebankan
- 5 Antara berikut, faktor manakah telah menyemarakkan kemunculan pergerakan nasionalisme di negara kita?
- A Bantahan oleh negara luar
  - B Kegiatan ekonomi yang pelbagai
  - C Galakan daripada sektor kerajaan
  - D Kemunculan golongan intelektual
- 6 Maklumat berikut merupakan syarat yang dikenakan kepada Jerman dalam Perjanjian Versailles.

Bayaran pampasan yang tinggi

Bagaimanakah Jerman mengatasi perkara tersebut?

- A Memperkuat angkatan tentera
  - B Menamatkan hubungan diplomatik
  - C Menimbulkan sokongan rakyat
  - D Meningkatkan kerjasama ekonomi
- 7 Apakah tujuan penubuhan Force 136 semasa pendudukan Jepun?
- A Mendapatkan sokongan orang Melayu
  - B Menjadi perisik untuk Jepun
  - C Membentuk kerajaan
  - D Meluaskan pasaran
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan slogan Jepun di Tanah Melayu.

- Semangat Asia
- Asia untuk Asia
- Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya

Apakah kesannya terhadap penduduk tempatan?

- I** Memantapkan kuasa pemerintahan
- II** Menyebarkan sentimen anti-penjajah Barat
- III** Mewujudkan kerjasama dengan Jepun
- IV** Melumpuhkan perkembangan nasionalisme

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 9** Maklumat berikut berkaitan dengan unit politik yang telah disatukan di Tanah Melayu semasa pentadbiran British.

Negeri-negeri Selat  
Negeri-negeri Melayu Bersekutu  
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Apakah kepentingan British bertindak sedemikian?

- A** Kos pengurusan dapat dikurangkan
- B** Melemahkan golongan penentangan
- C** Hak kaum pribumi terpelihara
- D** Sistem monarki diperkukuh

- 10** Pada tahun 1946, Sarawak diserahkan kepada British.  
Mengapakah penyerahan tersebut ditentang oleh penduduk Sarawak?

- A** Ancaman komunis meningkat
- B** Kos pentadbiran bertambah
- C** Kaum imigran berkuasa
- D** Penjajah asing bertapak

- 11** Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A** Kekuatan perpaduan orang Melayu
- B** Menghalang desakan orang dagang
- C** Memenuhi tuntutan golongan radikal
- D** Kemasukan berterusan kaum imigran

- 12** Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di Tanah Melayu sebelum Merdeka.

| Tahun | Peristiwa                                          |
|-------|----------------------------------------------------|
| 1948  | Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani |

Apakah kesan peristiwa tersebut kepada orang Melayu?

- A** Diiktiraf sebagai penduduk asal
  - B** Berkuasa mengawal pentadbiran
  - C** Parti-parti politik digabungkan
  - D** Syarat kerakyatan dipermudah
- 13** Apakah cara ideologi komunis boleh disebar di Tanah Melayu?
- A** Menyusup masuk dalam pertubuhan
  - B** Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
  - C** Interaksi antara kumpulan pedagang
  - D** Melalui hubungan antara kerajaan
- 14** Apakah tujuan Min Yuen ditubuhkan?
- A** Menjadi tentera sukarela
  - B** Melemahkan pergerakan komunis
  - C** Menjalankan kegiatan propaganda
  - D** Membina kubu pertahanan
- 15** Apakah matlamat penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946?
- A** Mengurangkan kemasukan imigran
  - B** Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu
  - C** Menghalang pelaksanaan Malayan Union
  - D** Mengeratkan perpaduan pelbagai kaum
- 16** Sebelum merdeka, sistem pendidikan tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu.  
Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A** Kemudahan asas terhad
  - B** Tenaga pengajar kurang
  - C** Sumber kewangan tiada
  - D** Kurikulum pelajaran berbeza

**17** Mengapakah tanggungjawab untuk mengundi dalam pilihan raya penting?

- A Memilih ketua parti
- B Memperkukuh sistem beraja
- C Membentuk sebuah kerajaan
- D Mengekalkan tradisi bangsa

**18** Garis masa berikut menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.

|                        |                             |                       |                                |
|------------------------|-----------------------------|-----------------------|--------------------------------|
| Kuala Lumpur           | Singapura (1 Jan 1956)      | Karachi, Pakistan     | London (14 Jan 1956)           |
| →                      | →                           | →                     | →                              |
| Menaiki kapal terbang. | Menaiki kapal laut M.V Asia | Menaiki kapal terbang | Ketibaan rombongan kemerdekaan |

Apakah faktor Tunku Abdul Rahman melakukan perjalanan sedemikian?

- A Menerima arahan British
- B Menyusun strategi perundingan
- C Menjimatkan kos pengangkutan
- D Mengikut pertukaran angin monsun

**19** Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Cadangan yang manakah terkandung dalam memorandum tersebut?

- A Syarat kewarganegaraan dikasi semula
- B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran kerajaan
- C Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- D Undang-undang tempatan dikuatkuasakan

**20** Mengapakah peristiwa kemerdekaan negara kita dianggap unik dan dikagumi oleh pemimpin dunia?

- I Penamatan dasar konfrontasi
- II Penghijrahan golongan imigran
- III Pertumpahan darah tidak berlaku
- IV Pemufakatan dan rundingan dilaksanakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.



Apakah X ?

- A Keagamaan
- B Perundangan
- C Warisan budaya
- D Hubungan diplomatik

22 Bagaimanakah kedaulatan dapat mewujudkan keberkesanan pentadbiran?

- A Menanam perasaan kenegerian
- B Mengutamakan keadilan individu
- C Memberi kebebasan membuat keputusan
- D Mengekalkan kuasa pemerintahan tradisional

23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Mengehadkan kuasa raja
- B Menentang penyebaran agama
- C Menghalang berlaku penindasan
- D Mengurangkan peranan pembesar

**24** Siapakah yang berkuasa terhadap kedudukan agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja mengikut Perlembagaan Persekutuan?

- A Yang di -Pertuan Agong
- B Yang di-Pertua Negeri
- C Perdana Menteri
- D Ketua Menteri

**25** Gambar berikut berkaitan dengan mesyuarat Majlis Raja-Raja.



MESYUARAT Majlis Raja-Raja yang berlangsung hari ini. FOTO Bernama

Perkara yang manakah berkaitan dengan fungsi Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat tersebut?

- I Melantik Perdana Menteri
- II Menggubal undang-undang
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Memperkenan pindaan perlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**26** Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Mengamalkan gaya hidup bebas
- C Memiliki dua kewarganegaraan
- D Memilih pemimpin negara

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

| Kerajaan Persekutuan                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hal ehwal Luar Negeri</li> <li>• Keselamatan Dalam Negeri</li> <li>• X</li> </ul> |

Apakah X ?

- A Pelajaran  
 B Perhutanan  
 C Hiburan Awam  
 D Perancangan bandar
- 28 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah kediaman.  
 Bagaimanakah kedua-dua kerajaan mencapai matlamat tersebut?
- A Menyekat pembinaan rumah-rumah mewah  
 B Memperbanyak pembinaan rumah mampu milik  
 C Menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah  
 D Melarang warga asing membeli rumah di Malaysia
- 29 Sejak awal abad ke-19, British bercadang untuk menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara.  
 Mengapakah British bertindak sedemikian?
- A Menjamin kemasukan imigran  
 B Mengurangkan kuasa raja-raja  
 C Menghapuskan pengaruh komunis  
 D Memudahkan pentadbiran jajahan
- 30 Apakah sebab Singapura berminat bergabung dalam Malaysia?
- A Mengurangkan sentimen perkauman  
 B Memberi kelonggaran kerakyatan  
 C Mempertahan sistem monarki  
 D Membuka pasaran lebih luas

- 31** Apakah cabaran dalaman yang Malaysia hadapi selepas pembentukannya pada tahun 1963?
- I** Pemupukan semangat kenegerian
  - II** Penubuhan parti haluan kiri
  - III** Pembangunan ekonomi
  - IV** Perpaduan kaum
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
- 32** Penyebaran berita palsu telah menyukarkan usaha Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menyelesaikan konflik peristiwa 13 Mei 1969. Bagaimanakah kerajaan berusaha mengatasi penyebaran berita palsu tersebut?
- I** Menggantung sementara penerbitan akhbar tempatan
  - II** Mengawal penulisan oleh wartawan tempatan
  - III** Merombak semula struktur Jabatan Penerangan
  - IV** Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
- 33** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep integrasi nasional?
- A** Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri
  - B** Langkah meningkatkan pembangunan ekonomi
  - C** Hubungan yang akrab antara negara dunia
  - D** Keadaan rakyat yang aman dan bersatu
- 34** Gambar berikut merupakan logo slogan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’



Apakah hasrat yang terkandung di sebalik slogan tersebut?

- A Melahirkan rakyat yang berjiwa besar
- B Menjadikan rakyat mempunyai jati diri tinggi
- C Membentuk rakyat bersatu melalui bahasa
- D Mengukuhkan kepercayaan rakyat

**35** Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1971 hingga tahun 1990.

Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru?

- I Membasmi kemiskinan
- II Menyekat kemasukan imigran
- III Menyeragamkan sistem kewangan
- IV Menyusun semula masyarakat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**36** Penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menggunakan konsep pertanian pintar.

Apakah kesan penggunaan konsep pertanian pintar?

- A Peningkatan hasil pertanian
- B Penjimatan kos pertanian
- C Pencemaran udara berkurangan
- D Peluang pekerjaan bertambah

**37** Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setelah mencapai kemerdekaan.

Apakah kepentingan Malaysia menganggotai pertubuhan tersebut?

- A Menamatkan ancaman luar
- B Memelihara kedaulatan negara
- C Menganggotai pakatan tentera
- D Menyertai perdagangan dunia

- 38 Rajah berikut berkaitan cabaran yang ditempuh melalui dasar luar negara.



Apakah X ?

- A Pembangunan ekonomi  
 B Perubahan pemimpin  
 C Hubungan diplomatik  
 D Hutang negara
- 39 Apakah kesan terhadap Malaysia sekiranya negara anggota ASEAN hidup berpecah belah?
- A Menggalakkan persaingan  
 B Menjamin pasaran ekonomi  
 C Menggugat keselamatan  
 D Mengekalkan kestabilan
- 40 Apakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia?
- I Kekejaman komunis  
 II Kejatuhan mata wang  
 III Pertindihan sempadan  
 IV Pemerdagangan orang
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

-----KERTAS SOALAN TAMAT-----

|                         |                           |                                           |
|-------------------------|---------------------------|-------------------------------------------|
| Disediakan oleh:        | Disemak oleh:             | Disahkan oleh:                            |
|                         |                           |                                           |
| Guru Mata Pelajaran SMK | Ketua Panitia Sejarah SMK | Guru Kanan Mata Pelajaran Kemanusiaan SMK |

## JAWAPAN KERTAS 1 (SET 2)

| TINGKATAN 4 |         |                         | TINGKATAN 5 |         |                         |
|-------------|---------|-------------------------|-------------|---------|-------------------------|
| NO.SOALAN   | JAWAPAN | MUKA SURAT<br>BUKU TEKS | NO. SOALAN  | JAWAPAN | MUKA SURAT<br>BUKU TEKS |
| 1.          | B       | 5                       | 21.         | B       | 9                       |
| 2.          | C       | 13                      | 22.         | C       | 10                      |
| 3.          | D       | 27                      | 23.         | C       | 24                      |
| 4.          | B       | 31                      | 24.         | A       | 29                      |
| 5.          | D       | 35                      | 25.         | C       | 44                      |
| 6.          | A       | 58                      | 26.         | D       | 50                      |
| 7.          | A       | 76                      | 27.         | A       | 69                      |
| 8.          | C       | 80                      | 28.         | B       | 77                      |
| 9.          | A       | 97                      | 29.         | D       | 90                      |
| 10.         | D       | 109                     | 30.         | D       | 97                      |
| 11.         | A       | 132                     | 31.         | D       | 116                     |
| 12.         | A       | 135                     | 32.         | B       | 130                     |
| 13.         | B       | 146                     | 33.         | A       | 140                     |
| 14.         | C       | 157                     | 34.         | C       | 149                     |
| 15.         | C       | 172                     | 35.         | B       | 167                     |
| 16.         | D       | 180                     | 36.         | A       | 179                     |
| 17.         | C       | 196                     | 37.         | B       | 198                     |
| 18.         | B       | 217                     | 38.         | A       | 208-209                 |
| 19.         | C       | 222                     | 39.         | C       | 210                     |
| 20.         | D       | 242-245                 | 40.         | D       | 226-229                 |

| TABURAN JAWAPAN |   |    |    |
|-----------------|---|----|----|
| A               | B | C  | D  |
| 10              | 9 | 11 | 10 |